

30 staf UMS jayakan Bengkel Korban dan Sembelihan

UB 43-16 i3 84

KOTAKINABALU: Seramai 30 staf dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjayakan Bengkel Qurban, Aqiqah dan Sembelihan di pekarangan Masjid UMS baru-baru ini.

Bengkel yang dianjurkan oleh Seksyen Takmir Masjid, Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid UMS itu dikendalikan dua orang penceramah iaitu Ustaz Jasimin daripada Jheains dan Ustaz Nik Anuar Zakaria daripada SMAKK yang berpengalaman luas meliputi sasaran bengkel berkenaan.

Ustaz Md Razali Saibin, Pegawai Unit Hal Ehwal Islam Dan Masjid UMS berkata tujuan bengkel ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang kaifiat ibadah qurban dan aqiqah serta cara-cara sembelihan yang betul menurut hukum syarak.

Di samping itu, ia dapat memberikankesedaran kepada peserta tentang pentingnya pemilihan makanan yang halal dalam mempengaruhi kehidupan kita sehari-hari sebagai seorang muslim.

Katanya, bukan hanya

untuk memberikan ilmu kepada semua peserta malah ianya juga sangat berguna kepada semua lapisan masyarakat yang beragama Islam terutama kepada semua warga UMS.

Bengkel yang julung-julung kali diadakan itu telah mengambil masa selama setengah hari lebih kepada pengisian dua ceramah dan satu praktikal sembelihan.

Ceramah pertama meliputi Kaifiat dan Fadhilat Ibadah dan Aqiqah Qurban yang telah disampaikan oleh Ustaz Nik Anuar Zakaria dan yang kedua adalah Kaifiat sembelihan halal dan berkat serta sembelihan disampaikan oleh Ustaz Jasimin daripada Jheains.

Setelah mendengar ceramah berhubung kedua-dua tajuk akhirnya satu sesi latihan kaedah sembelihan menurut Islam telah diuji.

Semua peserta telah dibawa ke perkarangan Masjid UMS bagi menjalankan kaedah sembelihan yang telah diterangkan semasa ceramah berkenaan.

Sebanyak 30 ekor ayam telah disediakan oleh pengurusan



USTAZ Jasimin menunjukkan cara menyembelih yang betul kepada peserta.

bagi tujuan berkenaan.

Ustaz Jasimin telah menunjukkan kaedah sembelihan menurut Islam dan diikuti oleh para peserta bengkel untuk membuat sembelihan.

Dengan memperlihatkan kaedah sembelihan berkenaan semua peserta telah memahaminya dengan jelas dan memberikan keyakinan diri untuk melakukan.

Jika sebelum ini mereka hanya tahu daripada khabar berita dan cerita dari kawan-kawan serta sahabat handai, maka bermula dari bengkel itu segalanya sudah memberikan suatu ilmu dan pengetahuan yang sangat baik sama ada untuk mereka atau untuk rakan-rakan yang lain.

Seorang peserta dari Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, Haji Manap Haji Jainudin berkata dalam ceramah yang didengarinya

telah memberikan tambahan pengisian ilmu yang sukar diperolehi jika tidak menghadirkan diri ke bengkel tersebut.

"Saya berpuas hati dengan penjelasan yang disampaikan oleh kedua-dua penceramah serta dapat berinteraksi bersama mereka," katanya.

Bagi Ustaz Yusri Sumin Penolong Pegawai Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid, merangkap Pengarah Program pula, dia dapat meyakinkan diri dengan semangat yang teruja sekali tetapi amat berpuas hati dengan kehadirannya menyertai bengkel berkenaan terutama dalam bab sembelihan dan qurban serta aqiqah.

"Saya akan menyebarkan ilmu pengetahuan yang diperolehi bukan sahaja kepada keluarganya bahkan juga kepada semua saudara Islam setempat," katanya.



PESERTA bengkel yang hadir.



SEMUA peserta bengkel merakamkan gambar kenangan.